



[Archive Since 1991](#)

[NST Appointments](#)

[Classifieds Booking](#)

[Classifieds Listing](#)

Search :

GO



NEWS

[New Straits Times](#)

[Berita Harian](#)

[Malay Mail](#)

[Harian Metro](#)

SERVICES

[Archive Since 1991](#)

[Affiliate Program](#)

[Advertise in Print](#)

[Mobile](#)

[WebCard](#)

[E-Bar](#)

BUSINESS

[Business Times](#)

[Market Report](#)

[Malaysian Investor](#)

TECHNOLOGY

[Computimes](#)

[Business Computing](#)

CHANNELS

[Property Times](#)

[Travel Times](#)

[Goodbites](#)

[Sunday People](#)

[Bintang Popular](#)

[Joran](#)

[Ikon](#)

SPORTS

[MSL](#)

[EpG](#)

EDUCATION

[NIE](#)

[WebSekolah](#)

News Archive (1991 -) Article Full Document Display

[Bottom](#) [Prev Doc](#) [Next Doc](#) [Result List](#) [Search](#) [Help](#) [Home](#)

Document 9 of 14

Publication : HM

Edition :

Date : 20/12/2005

Page Number : 06

Headline : ZAINAL CURAH BAKTI DI ZOO NEGARA

Words : 730

Byline : Oleh Nor Akmar Samudin

Text :

USAH terkejut sekiranya anda mengunjungi Zoo Negara tiba-tiba terserempak dengan penyanyi yang popular dengan lagu Hijau, Zainalabidin, sedang sibuk memberi makan kepada penghuni di situ ataupun kelihatan dia sedang sibuk membersihkan kawasan sekitar dan kandang binatang.

Jangan pula sangka yang dia merajuk hati dan tidak mahu menyanyi lagi tetapi sebenarnya sejak awal tahun ini, dia sekeluarga mula menabur bakti secara sukarela di zoo berkenaan. Ada kala dia menghiburkan kanak-kanak yang datang ke sana bersama keluarga dengan lagu popularnya yang tak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan.

"Saya aktif dalam kerja kebajikan ini sudah lama tetapi takkan saya hendak menguar-uarkannya kerana membuat benda baik tak perlulah mendapat publisiti begitu meluas. Saya pentingkan keikhlasan kerana untuk berbakti kepada masyarakat perlu jujur dengan diri sendiri dan orang ramai, bukan dipaksa.

"Selain mengerahkan keringat di Zoo Negara, saya juga biasa membuat amal kebajikan untuk anak yatim. Tapi rasanya tak patut saya hebahkan kepada umum kerana ia bukan berkaitan publisiti tetapi kesedaran untuk membantu sesiapa jua yang memerlukan bantuan dan perhatian.

"Selepas ini kepada sesiapa yang hendak menyertai saya, kecil tapak tangan nyiru saya tadahkan. Kesudian anda menghulurkan 10 jari meringankan bebanan mereka yang kurang bernasib baik amat saya alu-alukan terutama rakan artis," katanya yang ditemui pada Konsert Kebajikan Trumpeting For Elephant bagi mengisi tabung Awareness and Preservation of Elephants Survival di Malaysia (Apes) di Hotel Legend Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hati bapa kepada tiga cahaya mata itu tergerak untuk bersama-sama menjayakan konsert itu kerana katanya, bukan saja manusia memerlukan pembelaan tetapi juga binatang.

"Dengan pembangunan yang kian pesat sekarang secara langsung atau tidak kita merosakkan habitat mereka. Di mana lagi mereka hendak tinggal dan mencari makan. Disebabkan itu sudah sampai masanya kita memberi balik apa yang kita ambil dari mereka (hidupan liar) walaupun ia tidak setimpal dengan apa yang terjadi kepada mereka," katanya.

Pada malam itu Zainal menghiburkan penonton konsert dengan tiga lagu, Hijau, Gaia dan Dua Dunia. Dia juga menyampai sumbangan peribadi, RM10,000 kepada Apes. Persatuan itu menerima RM40,000 lagi hasil jualan tiket konsert pada malam itu.

Memeriahkan atur cara malam itu, pihak penganjur menerbangkan pasukan orkestra yang terdiri daripada pelajar 12 hingga 18 tahun iaitu Orkestra Simfoni Melbourne Grammar School dari Australia. Hadirin juga dipersembahkan dengan nyanyian koir kumpulan Operafest Children's Choir.

Berbalik kepada Zainal, katanya, kesedaran untuk membantu hidupan liar timbul dalam dirinya sudah lama tetapi tidak berpeluang untuk melakukannya.

"Sekian lama meninggalkan kampung halaman di Johor Bharu membuatkan hati ini berasa rindu hendak mendengar kicauan burung dan bunyi kokokan ayam pada pagi hari. Kuala Lumpur hutan batu hanya kedengaran kenderaan

bertali-arus.

"Disebabkan itu jugalah maka terhasillah lagu Hijau. Betapa saya amat mencintai alam semula jadi ciptaan Tuhan. Masa kecil saya suka berenang di pantai Tanjong Lido tetapi sekarang tidak boleh lagi kerana keadaan persekitarannya yang kotor," katanya.

Zainal tidak berseorangan dalam usaha murninya itu apabila dia mula melatih anaknya Isaac beramal. Dia mengajar si kecil itu dalam memberi pertolongan ketepikan bangsa dan agamanya.

"Sepatutnya menolong orang tiada batas bangsa, agama dan warna kulit. Semua orang sama saja. Untuk berbuat kebajikan, hati mesti bersih dan ikhlas serta saling menghormati," katanya.

Kelihatan penyanyi yang terkenal dengan lagu Kembalilah dan Semua Orang Tahu, Rem, juga hadir pada konsert itu. Kata Rem, dia sudah lama berhasrat hendak terbabit dalam kerja kebajikan tetapi tak tahu hendak memulakannya.

"Saya kenal abang Zainal sudah lama jadi pada kesempatan ini saya mengambil peluang untuk memulakan langkah dalam kerja amal. Ini adalah permulaan, saya harap akan terus dapat bekerjasama dengan abang Zainal dalam usaha murni ini," katanya.

Tambah Zainal, Rem agak sibuk ketika ini tapi dia datang juga kerana sedar ia perkara baik. Kata Zainal lagi, sesetengah orang mahu aktif dalam kerja kebajikan tetapi mereka tak tahu cara hendak menyalurkannya.

Zainal menunggu kedatangan 2006 dengan harapan yang membara. Satu daripada projek syarikat miliknya, Afro Zapin Sdn Bhd, menguruskan kerjaya Rem. Pengurusan itu juga dibuat secara amal iaitu tiada ikatan kontrak antara Afro Zapin dengan Rem.

"Saya hanya berniat membantu Rem kerana saya tengok kerjayanya terumbang-ambing tanpa mempunyai pengurusan yang cekap. Saya sayangkan bakat nyanyiannya.

"Tahun depan juga saya akan keluarkan album baru yang diterbitkan dalam pelbagai medium hiburan yang muncul sekarang. Pendengar bukan saja mendengar lagu menerusi radio tetapi boleh muat turun lagu, menerusi MP3 dan sebagainya," katanya.

(END)

[Top](#) [Prev Doc](#) [Next Doc](#) [Result List](#) [Search](#) [Help](#) [Home](#)

Mail [webheads](#) for site related feedback and questions. Get [sales](#) for other kind of help.

Copyright © The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad, Balai Berita 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur, Malaysia.

Powered by: Zope, Red Hat, Apache, Python, Php3, Perl